



Australian Government
Department of Home Affairs

Menghalang Campurtangan Negara Asing di Australia

Bekerjasama ke arah
Australia yang lebih selamat



© Kerajaan Komanwel Australia 2024

Semua bahan yang dikemukakan dalam penerbitan ini kecuali Jata Komanwel, disediakan di bawah perlesenan Antarabangsa Peruntukan Kreatif Bersama 4.0 <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>.



Ini bermakna lesen ini hanya terpakai bagi bahan seperti yang dinyatakan dalam dokumen ini.

Butiran syarat perlesenan yang berkenaan boleh didapati di laman sesawang Creative Commons di <https://creativecommons.org> begitu juga kod yang sah dari segi undang-undang bagi lesen CC BY 4.0 di <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>.

Penggunaan Jata Negara

Syarat-syarat di mana Jata Negara boleh digunakan diperihalkan dalam laman sesawang Jabatan Perdana Menteri dan Kabinet di <https://www.pmc.gov.au/government/commonwealth-coat-arms>.

Hubungi kami

Pertanyaan berkenaan lesen tersebut dan sebarang penggunaan dokumen ini dialu-alukan di:

Jabatan Dalam Negeri

PO Box 25

BELCONNEN ACT 2616

Campurtangan asing merupakan ancaman kepada cara hidup kita

Pengintipan dan campurtangan asing mengancam kedaulatan, demokrasi, nilai dan kepentingan Australia – cara hidup kita.

Australia menjadi sasaran kegiatan campurtangan yang canggih dan berterusan dari pelbagai negara asing.

Seperti yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah Keselamatan sebelum ini, 'Ancaman kepada cara hidup kita merupakan tumpuan utama bagi keselamatan Australia. Berdasarkan apa yang dikenalpasti, disiasat, dinilai dan dihalang oleh Organisasi Risikan Keselamatan Australia, warga Australia yang menjadi sasaran pengintipan dan campurtangan negara asing semakin meningkat pada kadar yang lebih tinggi dari bila-bila masa sebelum ini.'

Kegagalan menangani campurtangan negara asing akan mendatangkan akibat negatif jangka panjang kepada Australia.

Sekiranya dibiarkan ia akan terus melemahkan asas nilai-nilai demokrasi, hak-hak sivil, institui-institusi kerajaan, kesejahteraan ekonomi, media serta keharmonian masyarakat kita.

Dokumen ini memberikan garis panduan berkenaan:

- Siapa yang paling berisiko.
- Apakah tindakan kerajaan bagi menangani campurtangan asing.
- Apa yang boleh dilakukan oleh individu dan organisasi untuk melindungi diri mereka

Campurtangan negara asing di Australia adalah satu jenayah dan boleh dihukum sehingga 20 tahun penjara di bawah Akta Kod Jenayah Komanwel 1995.

Jadual Kandungan

Campurtangan asing merupakan ancaman kepada cara hidup kita	3
Jadual Kandungan	4
Bagaimana melaporkan kejadian yang disyaki campurtangan negara asing	2
Bagi individu dan laporan-laporan umum	2
Bagi Kerajaan serta industri perniagaan dan penyelidikan Australia.....	2
Apakah campurtangan negara asing?	3
Sasaran campurtangan kerajaan asing	3
Apakah itu pengintipan?.....	3
Siapakah yang paling berisiko terlibat dengan campurtangan asing?	4
Komuniti-komuniti	4
Institusi-institusi demokratik	5
Pendidikan tinggi dan kajian	6
Industri.....	7
Media dan komunikasi	8
Apa yang anda boleh lakukan untuk mengurangkan risiko campurtangan negara asing?	9
Para individu.....	9
Kerajaan dan Industri	10
Apa yang Kerajaan lakukan untuk mengekang campurtangan negara asing?	11
Perundangan.....	11
Langkah-langkah tambahan.....	12

Bagaimana melaporkan kejadian yang disyaki campurtangan negara asing

Dalam kecemasan sila telefon 000

Bagi individu dan laporan-laporan umum

Talian Terus Keselamatan Nasional

- Telefon: 1800 1234 00 (Dari luar Australia: (+61) 1300 1234 01)
- Emel: hotline@nationalsecurity.gov.au

Laporan-laporan yang dibuat kepada Talian Terus Keselamatan Nasional boleh dibuat secara rahsia, dan dirujuk kepada badan penguatkuasa undang-undang yang sepatutnya serta agensi-agensi keselamatan untuk dipertimbangkan.

Bagi Kerajaan serta industri perniagaan dan penyelidikan Australia

Portal Insiden, Ancaman atau Permerhatian yang boleh Dilaporkan (NITRO)

- Laman sesawang selamat portal: [Utama | NITRO \(asio.gov.au\)](https://www.asio.gov.au/nitro)

NITRO merupakan portal internet selamat yang direka untuk institusi-institusi perniagaan dan penyelidikan Australia melaporkan aktiviti-aktiviti mencurigakan serta sebarang insiden ancaman, gangguan, paksaan atau ugutan.

Apakah campurtangan negara asing?

Campurtangan negara asing merupakan aktiviti yang dilaksanakan oleh, bagi pihak, diarah atau dibiayai oleh, atau dilakukan dengan kerjasama aktif oleh, suatu kuasa asing sama ada melibatkan:

- ancaman kepada seseorang, atau
- bersifat tersembunyi atau menipu dan memudaratkan kepentingan Australia.

Sasaran campurtangan kerajaan asing

- Orangramai - yang mungkin terpengaruh dengan rasuah atau paksaan, atau berkemungkinan terpedaya untuk bertindak bagi pihak kerajaan asing.
- Prasarana dan institusi -yang boleh dikawal, diakses atau diganggu.
- Maklumat - yang boleh dicuri, dimanipulasi atau direka.

Apakah itu pengintipan?

- Pengintipan merupakan pencurian maklumat oleh seseorang yang bertindak bagi pihak suatu kuasa asing, atau berniat untuk memberikan maklumat kepada suatu kuasa asing yang cuba mendapatkan kelebihan ke atas Australia.

Bagaimanakah pengaruh asing berbeza dari campurtangan asing?

Adalah penting untuk membezakan antara campurtangan asing dan pengaruh asing.

- Semua kerajaan, termasuk kerajaan Australia, berusaha untuk mempengaruhi isu-isu yang penting kepada mereka.
- Pengaruh asing merupakan suatu aktiviti yang terbuka, telus dan menghormati orang ramai, masyarakat dan sistem-sistem demokrasi.
- Pengaruh asing termasuk aktiviti-aktiviti diplomatik, tindakan melobi politik, aktiviti berbentuk komunikasi, pemindahan wang, dan diplomasi kebudayaan.

Apabila dilaksanakan dengan cara yang terbuka dan telus, aktiviti-aktiviti ini bukan campurtangan negara asing.

Siapakah yang paling berisiko terlibat dengan campurtangan asing?

Kerajaan asing mensasarkan bahagian-bahagian tertentu masyarakat Australia dengan pelbagai cara.

Komuniti-komuniti

Walaupun ancaman campurtangan asing terpakai kepada komuniti Australia keseluruhannya, ahli-ahli komuniti diaspora selalunya lebih berisiko dari kerajaan-kerajaan asing yang mahu menindas mereka.

Campurtangan asing dalam komuniti boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, termasuk:

- Ancaman, pantauan fizikal atau elektronik, penculikan atau serangan ke atas individu-individu yang dianggap sebagai penentang oleh suatu kerajaan asing.
- Menjejaskan penyertaan dalam sistem demokrasi atau melemahkan hubungan sosial.
- Operasi maklumat atas talian yang cuba menimbulkan perasaan sangsi atau memalukan individu atau kumpulan.
- Memaksa individu-individu memajukan kepentingan ekonomi dan politik suatu kerajaan asing dengan mengugut keluarga atau rakan-rakan mereka di luar negara.
- Memaksa ahli-ahli dalam komuniti kita untuk meninggalkan Australia dan pulang ke negara asal mereka, di luar proses ekstradisi yang telah dipersetujui.

Campurtangan asing boleh mengakibatkan kesan-kesan berikut ke atas komuniti:

- Ahli-ahli komuniti tidak bebas terlibat dalam perdebatan umum.
- Ahli-ahli komuniti tidak meluahkan pendapat mereka dan terasa terasing dari masyarakat umum.

Contoh: Ancaman kepada penunjuk perasaan

Jesse menghadiri suatu acara tunjuk perasaan yang dibenarkan di suatu bandarraya di Australia berkenaan isu politik di negara lain.

Jesse perasan bahawa ada orang sedang mengambil gambar dan video penunjuk-penunjuk perasaan. Setelah menghadiri tunjuk perasaan itu, Jesse mula menerima gangguan di atas talian. Keluarga Jesse yang tinggal di negara lain telah disoal and diugut akan mendapat kemudaratan serisu oleh pihak berkuasa tempatan berkaitan dengan kegiatan Jesse di Australia. Jesse mula mengawal kelakuan dan percakapannya kerana dia takutkan gangguan seterusnya, menghadkan kebebasan ekspresi dirinya dan penglibatannya dalam komuniti Australia.

Institusi-institusi demokratik

Campurtangan asing boleh mencabar komitmen Australia kepada nilai-nilai demokratik dan mengurangkan keyakinan orang ramai kepada keutuhan sistem demokrasi kita. Secara global, kerajaan-kerajaan asing telah cuba melemahkan sistem demokrasi melalui campurtangan dalam pilihanraya, politik dan birokrasi, menggunakan kaedah-kaedah seperti:

- Cuba mempengaruhi keputusan suatu pilihanraya ke arah seseorang calon atau parti politik yang lebih memihak kepada kerajaan asing tersebut.
- Secara diam-diam cuba mempengaruhi, memaksa atau merasuah calon-calon politik, kakitangan politik atau pegawai-pegawai kerajaan untuk mengutamakan kepentingan kuasa asing berbanding dengan kepentingan negara Australia.
- Menyebarkan maklumat yang salah untuk mengurangkan keyakinan pengundi kepada integriti proses pilihanraya dan kerajaan demokratik.

Contoh: Campurtangan dalam politik Australia.

Suatu kuasa asing secara senyap-senyap mengarahkan seseorang ahli dalam komuniti untuk menderma kepada kempen politik seseorang ahli politik Australia. Ahli politik Australia tersebut kemudiannya lebih cenderung kepada ahli komuniti tersebut, dan bersetuju dengan permintaan individu tersebut supaya ahli politik Australia itu mengambil suatu-satu pendirian berkenaan isu tertentu yang memanfaatkan kuasa asing itu. Ahli komuniti tidak memberitahu ahli politik Australia bahawa suatu kuasa asing telah mengarahkan mereka untuk bertindak sedemikian.

Dalam contoh ini, kedua-dua kuasa asing dan ahli komuniti telah terlibat dengan suatu tindakan campurtangan asing, tetapi ahli politik itu tidak, beliau tidak tahu berkenaan penglibatannya yang dirahsiakan oleh kuasa asing itu.

Pendidikan tinggi dan kajian

Campurtangan asing boleh menjejaskan kebebasan akademik di universiti dan pusat pengajian lain di Australia. Kerajaan-kerajaan asing mungkin cuba merekrut ahli akademik dengan niat menukar arah kajian mereka atau cuba mencuri harta intelektual mereka untuk memperolehi kelebihan ketenteraan atau komersil. Kerajaan-kerajaan asing mungkin dalam diam-diam cuba membentuk kurikulum universiti agar selaras dengan kepentingan mereka, dan memantau serta menakut-nakutkan pelajar antarabangsa.

Ini boleh berupa:

- Menggunakan tekanan ekonomi untuk memaksa universiti-universiti menandatangani perjanjian yang tidak memihak pada mereka yang menyalurkan hak ke atas harta intelektual dan manfaat ekonomi hampir keseluruhannya kepada negara-negara asing.
- Cuba mempengaruhi kebebasan akademik dalam penyelidikan, bahasa wacana, topik-topik kajian, atau isikandungan kursus, agar selaras dengan kepentingan negara asing.
- Cuba menghapuskan kebebasan bersuara dan ekspresi di kampus apabila pandangan itu tidak selaras dengan pandangan suatu kerajaan asing.

Contoh: Universiti dan kajian

Seseorang ahli akademik yang menjalankan kajian ke atas teknologi berkaitan pertahanan menghadiri satu persidangan di negara asing, di mana penganjur telah membiayai semua perbelanjaan. Pihak penganjur menggunakan persidangan untuk mensasarkan mereka untuk direkrut. Setelah persidangan tamat, ahli akademik tersebut kembali ke Australia, dan mula memberikan maklumat tentang sistem keselamatan negara serta keutamaan pertahanan Australia kepada mereka yang juga hadir di persidangan tersebut yang bermastautin di negara asing. Ini membawa kepada kemerosotan keselamatan nasional Australia.

Industri

Campurtangan asing boleh mengekang keupayaan dan keuntungan perniagaan di Australia, menjejaskan kesejahteraan ekonomi, keupayaan pertahanan dan kepercayaan yang diberikan kepada kita oleh rakan-rakan dan sekutu. Teknologi, bahan galian kritikal dan prasarana kritikal kesemuanya merupakan bidang-bidang yang diminati oleh kerajaan-kerajaan asing.

Kaedah-kaedah yang digunakan untuk melemahkan industri termasuk:

- Usahasama dan kerjasama, di mana pertalian atau niat rakan antarabangsa sengaja disembunyikan.
- Menggunakan perancangan perniagaan untuk mendapatkan kajian dan teknologi Australia untuk kelebihan komersil dan ketenteraan negara lain.
- Manipulasi pasaran dan rangkaian bekalan untuk menjejaskan keupayaan industri dan daya saing Australia dalam sektor-sektor ekonomi yang penting.

Contoh: Perkongsian bersama dalam industri

Satu syarikat Australia menyertai usahasama dengan satu perusahaan milik kerajaan asing (SOE). Perusahaan milik kerajaan asing itu mempunyai hubungan rapat dengan khidmat risikan kerajaan asing tersebut. Perusahaan milik kerajaan asing itu menyuntik modal signifikan ke dalam projek tersebut, dan telah mengatur program pemindahan tugas ke dalam syarikat Australia itu. Syarikat Australia tersebut menyedari akan kemungkinan risiko kepada keselamatan nasional, tetapi masih menandatangani perjanjian itu atas sebab-sebab ekonomi. Usahasama tersebut kemudiannya mendedahkan syarikat tersebut kepada campurtangan dan intipan asing.

Media dan komunikasi

Demokrasi yang kuat adalah negara yang mempunyai maklumat yang boleh dipercayai, kebebasan ekspresi dan media yang bebas. Campurtangan asing dalam media boleh melemahkan kebolehan warga Australia untuk membuat keputusan berasaskan maklumat berkenaan keputusan-keputusan politik, sosial dan ekonomi, dan boleh memburukkan ketegangan dalam komuniti, menghakis kesatuan sosial kita.

Ini boleh berupa:

- Mempromosi naratif dan menyebarkan maklumat salah, yang menyokong kepentingan kerajaan asing, dan melemahkan nilai-nilai demokratik.
- Pengambilan wartawan dan ahli-ahli profesional media yang lain sebagai cubaan mengawal maklumat yang disebarkan kepada orang ramai.
- Cubaan menyekat atau mengawal pandangan-pandangan kritikal yang disuarakan di media Australia, termasuk menapis kandungan, atau mengganggu dan mencemarkan nama baik wartawan, aktivis atau ahli politik.

Contoh: Melemahkan laporan media yang terbuka

Para penyunting akhbar dikenakan tekanan oleh lembaga pengarah mereka untuk menghadkan liputan mereka berkenaan sesuatu isu politik. Tanpa pengetahuan para penyunting, sebilangan ahli lembaga pengarah mempunyai kaitan tersembunyi dengan kerajaan asing, dan cuba mengurangkan liputan negatif berkenaan isu politik ini supaya lebih selari dengan pendirian kerajaan asing itu. Laporan terpesong ini sedikit demi sedikit akan melemahkan kesedaran orang awam tentang isu politik tersebut dan kepercayaan mereka kepada sumber tersebut dan media Australia.

Apa yang anda boleh lakukan untuk mengurangkan risiko campurtangan negara asing?

Kita semua bertanggungjawab menghalang campurtangan negara asing. Kita perlu sedar wujudnya ancaman ini. Meningkatkan daya tahan kita semua terhadap campurtangan negara asing merupakan tanggungjawab bersama.

Kerajaan Australia sedang berkerjasama dengan individu dan sektor-sektor untuk melaksanakan langkah-langkah mitigasi dan bertindak terhadap campurtangan negara asing.

Para individu

- Jika anda rasa terancam atau tidak selamat dalam apa keadaan pun, hubungi pihak polis:
 - hubungi 000 untuk ancaman serta-merta; atau
 - 13 1444 untuk ancaman yang tidak bersifat serta-merta
- Sekiranya anda rasa anda menjadi sasaran aktiviti-aktiviti campurtangan asing, laporkan kepada Talian Keselamatan Nasional [\[Australian National Security\]](#). Laporan anda boleh dibuat secara sulit.
- Bukan semua orang yang anda kenali di atas talian adalah diri mereka yang sebenar. Fikirlah dengan berhati-hati tentang identiti dan niat orang lain, serta potensi risiko sebelum berkongsi sebarang maklumat atau melibatkan diri dalam rancangan dengan rakankongsi baru. [\[Think before you link. \] ASIO \(Fikir sebelum berpautan\) \]](#).
- Amalkan keselamatan siber [\[Protect yourself | Cyber.gov.au \(Lindungi diri anda\) \]](#).
- Belajar bagaimana mengenal berita palsu dan maklumat salah dengan merujuk kepada sumber media yang boleh dipercayai. Ambil pendekatan kritikal berkenaan maklumat di media sosial dan prihatin tentang prasangka.
- Dalam konteks pilihanraya: berhenti sejenak dan pertimbangkan [\[stop-and-consider-external-flyer.pdf \(aec.gov.au\)\]](#): adakah maklumat ini datang dari sumber yang boleh dipercayai? Bila ia disiarkan? Mungkinkah ia satu penipuan?
- Laporkan salahlaku atas talian yang serius kepada Pesuruhjaya eSafety di: <https://esafety.gov.au/report>.
- Sekiranya anda ada kegusaran tentang kelakuan yang tidak baik oleh pegawai-pegawai diplomatik atau konsular di Australia, laporkan kepada Cawangan Protokol, Jabatan Hal Ehwal Luar Negara dan Perdagangan di Protocol.branch@dfat.gov.au.
- Sekiranya anda diminta menjalankan aktiviti bagi pihak suatu kerajaan asing, organisasi politik asing atau suatu entiti yang berkaitan dengan suatu kerajaan asing atau individu asing, pertimbangkan sama ada anda perlu mendaftarkan aktiviti-aktiviti anda di bawah Skim Ketelusan Pengaruh Asing [\[Foreign Influence Transparency Scheme. |Attorney-General's Department\]](#) (Jabatan Peguam Negara).
- Campurtangan asing boleh menjejaskan kesihatan mental dan kesejahteraan anda. Perkhidmatan-perkhidmatan sokongan berikut adalah percuma, boleh didapati 24 jam, 7 hari seminggu, sulit dan menawarkan kaunseling profesional.
 - Talian Hayat: 13 11 14
 - Melangkau Biru: 1300 224 636

Kerajaan dan Industri

Lindungi diri anda, organisasi anda, reputasi anda dan pekerjaan anda dengan menyedari akan ancaman tersebut dan melakukan segala usaha yang sewajarnya sebelum menyertai sebarang perkongsian yang baru.

- Portal Insiden yang Boleh Dimaklumkan, Ancaman atau Permerhatian yang Boleh Dilaporkan (NITRO) merupakan satu lagi mekanisma laporan. Ini merupakan portal internet selamat yang telah dibangunkan untuk mereka yang tidak mendapat kelulusan keselamatan untuk melaporkan kekusaran tengang pengintipan yang mungkin berlaku, campurtangan asing atau ancaman dari pihak dalaman yang berkait dengan sektor-sektor pertahanan, pendidikan atau perniagaan Australia.
 - NITRO boleh didapati di laman sesawang ASIOA di nitro.asio.gov.au.
- Kelakuan tidak wajar oleh pegawai-pegawai diplomatik atau konsular di Australia, harus dilaporkan kepada Cawangan Protokol, Jabatan Hal Ehwal Luar Negara dan Perdagangan di Protocol.branch@dfat.gov.au.
- Bina dan kekalkan suatu budaya keselamatan yang mantap dan adakan polisi dan prosedur untuk melindungi orang, maklumat dan aset-aset dari risiko keselamatan. [\[Protective Security Policy Framework \(Rangka Polisi Perlindungan Keselamatan\)\]](#).
- Wujudkan kawalan keselamatan siber yang teguh.
 - Laporkan insiden-insiden kepada Pusat Keselamatan Siber Australia (Australian Cyber Security Centre) (ACSC) [\[Report and Recover | Cyber.gov.au\]](#) (Lapor dan Pulihkan)
 - Daftar diri anda sebagai rakankongsi ACSC [\[Australian Signals Directorate's Cyber Security Partnership Program | Cyber.gov.au\]](#) (Program Perkongsian Keselamatan Siber Direktorat Isyarat Australia)
- Pertimbangkan risiko dalaman anda dan laksanakan langkah-langkah mengurangkan risiko misalnya tapisan keselamatan pekerja, skim konflik kepentingan, pengesahan kelayakan, audit, serta kerangka yang mencegah penipuan dan menyokong tingkahlaku beretika [\[Countering \(Menangani\) The Insider Threat : \(Risiko dari Orang Dalam\) Satu panduan untuk Kerajaan Australia \]](#).
- Pastikan sama ada negara asal suatu syarikat, individu atau organisasi merupakan negara asing yang dikenalpasti atau yang telah disenaraikan sebagai berisiko tinggi oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan [\[Utama \(fatd.gafi.org\)\]](#)
- Fahami apakah harta intelektual (IP) atau perancangan kajian dan pembangunan yang terlibat dalam sebarang perjanjian, pelaburan atau perkongsian. Adakan terdapat rancangan untuk melindungi IP anda, termasuk dari dicuri atau penggunaan negatif secara tidak sengaja [\[Secure your success | ASIO \(Pastikan kejayaan anda terjamin\) \]](#).
- Untuk bakal-bakal rakankongsi, ahli lembaga pengarah serta pengarah syarikat, atau pelabur, pertimbangkan perkara-perkara berikut.
 - Periksa senarai Senarai Terkumpul Jabatan Hal Ehwal Luar Negara dan Perdagangan berkenaan individu dan entiti di bawah rejim tindakan sekatan Australia [\[Consolidated List | Australian Government Department of Foreign Affairs and Trade \(dfat.gov.au\) \(Senarai Terkumpul | Jabatan Hal Ehwal Luar Negara dan Perdagangan\)\]](#).
 - Periksa daftar Skim Ketelusan Pengaruh Asing [\[Transparency Register - Transparency Register \(ag.gov.au\) \(Daftar Ketelusan - Daftar Ketelusan\)\]](#) supaya lebih memahami apakah hubungkait yang mungkin wujud antara individu atau organisasi dengan kerajaan asing, organisasi politik asing dan individu atau entiti yang berkaitan dengan kerajaan asing.
 - Sahkan sama ada suatu syarikat atau organisasi berdaftar sebagaimana sepatutnya. Dalam negara, ini boleh disahkan melalui Daftar Syarikat Australia [\[ABN Lookup \(Pencari ABN\) \(business.gov.au\) \]](#) dan Suruhanjaya Sekuriti dan Pelaburan Australia [\[Search ASIC's Registers | ASIC \(Carian dalam Pendaftaran ASIC\) \]](#).
 - Sahkan struktur syarikat serta pegangan saham, pemunya induk dan rakankongsi senyap bila mempertimbangkan hubungan niaga.
 - Pertimbangkan apakah akses kepada maklumat, sistem and teknologi yang dihajati atau yang akan diberikan dalam hubungan niaga itu dan sediakan klausa-klausa berkesan bagi penamatan perjanjian.
 - Pertimbangkan sama ada rejim perundangan negara asal suatu syarikat atau organisasi adalah adil dan saksama, serta sama ada rejim perundangan tersebut membenarkan akses kerajaan dan khidmat risikan kepada maklumat dan data.

Apa yang Kerajaan lakukan untuk mengekang campurtangan negara asing?

Kerajaan Australia telah melaksanakan undang-undang serta usaha-usaha lain sebagai tindak balas kepada risiko campurtangan negara asing dan mempertahankan kepentingan negara Australia.

Perundangan

Kerajaan Australia mempunyai kerangka perundangan yang kukuh bagi menjadikan tindakan campurtangan asing sebagai suatu jenayah.

Akta Kod Jenayah 1995 (Kod Jenayah) menjadikan sebagai jenayah aktiviti-aktiviti terselindung dan bermuslihat atau mengancam oleh mereka yang berniat untuk:

- mempengaruhi sistem dan proses demokratik Australia;
- mempengaruhi pelaksanaan hak atau tanggungjawab demokratik atau politik;
- menyokong aktiviti risikan suatu kerajaan asing, atau
- menjejaskan keselamatan nasional Australia.

Campurtangan asing boleh dihukum sehingga 20 tahun penjara di bawah Kod Jenayah.

Skim Perancangan Asing memastikan bahawa semua rancangan antara universiti-universiti awam, kerajaan negeri atau wilayah dengan entiti asing tidak menjejaskan hubungan luar Australia dengan dan selaras dengan dasar luar negara Australia. Untuk maklumat lanjut, lawati [Perancangan dengan Negara-negara Asing](#).

Skim Ketelusan Pengaruh Asing, ditubuhkan oleh *Akta Skim Ketelusan Pengaruh Asing 2018*, mewajibkan individu-individu dan entiti mendaftarkan kegiatan-kegiatan tertentu yang diambil di Australia bagi pihak entiti utama negara asing. Ini memastikan orang ramai boleh melihat sifat, tahap dan sejauh manakah pengaruh asing dalam sistem kerajaan dan politik Australia. Untuk maklumat lanjut, sila lawati [laman sesawang FITS](#).

Kerangka Pelaburan Asing menilai cadangan baru yang melebihi had-had tertentu oleh entiti asing yang ingin melabur di Australia, untuk memastikan bahawa pelaburan asing tersebut tidak bercanggah dengan kepentingan nasional Australia. Untuk maklumat lanjut, sila lawati www.foreigninvestment.gov.au.

Kerangka Tapisan Visa bagi Melindungi Teknologi Kritikal Australia (PACT) memastikan suatu proses tapisan diketatkan untuk pemohon visa yang ingin menuntut dalam bidang yang berkaitan dengan teknologi kritikal bagi melindungi institusi-institusi Australia dari pemindahan teknologi kritikal yang tidak diingini.

Security of Critical Infrastructure Act (Akta Keselamatan Prasarana Kritikal) 2018 menggariskan tanggung jawab dari segi undang-undang bagi mereka yang memiliki, menggunakan atau memiliki kepentingan langsung dengan aset prasarana kritikal.

Langkah-langkah tambahan

Pasukan Petugas Menghalang Campurtangan Asing (CFI Taskforce)

Diketahui oleh Organisasi Risikio Keselamatan Australia dan Polis Persekutuan Australia, Pasukan Petugas CFI menerajui tindakbalas operasi Australia kepada intipan dan campurtangan asing, serta berusaha mengenalpasti, menilai, menyiasat, mengganggu dan, di mana mungkin, mendakwa tindakan-tindakan campurtangan asing.

Pusat Penyelarasan Tindakbalas kepada Campurtangan Asing (CFICC)

CFICC dalam Jabatan Hal Ehwal dalam Negeri, menyokong Penyelaras Tindakbalas Campurtangan Asing menyelaraskan semua usaha kerajaan menghalang campurtangan asing dan mengetuai polisi serta capaian CFI bersama agensi-agensi lain.

Pasukan Petugas Campurtangan Asing di Universiti (UFIT)

UFIT menyatukan sektor universiti dengan agensi-agensi Kerajaan Australia untuk bekerjasama bagi menangani ancaman campurtangan asing dalam sektor pendidikan tinggi.

Pasukan Petugas Campurtangan Asing dalam Teknologi (TechFIT)

TechFIT menyatukan sektor universiti dengan agensi-agensi Kerajaan Australia untuk bekerjasama bagi menangani ancaman campurtangan asing dalam sektor teknologi kritikal.

Pasukan Petugas Jaminan Integriti Pilihanraya (EIAT)

EIAT memberi maklumat and nasihat kepada Pesuruhjaya Pilihanraya Australia tentang perkara-perkara yang mungkin membawa kesan kepada integriti acara-acara pilihanraya persekutuan Australia, termasuk ancaman yang nyata atau dianggap sebagai campurtangan asing. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang [Electoral Integrity Assurance Taskforce \(Pasukan Petugas Jaminan Integriti Pilihanraya\)](#).

Inisiatif-inisiatif kecelikan media / digital.

Kerajaan Australia menyokong program-program untuk membina kecelikan digital, menyokong kewartawanan yang memanfaatkan orang awam and melindungi kepelbagaian media.